



KERAJAAN MALAYSIA

**DASAR CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN
(CJCP) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 1.3 DASAR CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

1. Latar Belakang	3
2. Pengenaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) Dalam Perolehan Kerajaan.....	3
3. Pelarasan Harga Kontrak.....	5
4. Penyediaan Anggaran Jabatan dan Penentuan Kaedah Perolehan	6
5. Tawaran Harga Syarikat.....	6
6. Kaedah Penilaian Perolehan Secara Pembelian Terus/Sebut Harga/Tender	6
7. Tanggungjawab Untuk Menandatangani Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018	7
8. Perolehan Daripada Agensi Kerajaan Lain.....	8
9. Kenaan CJCP Dalam Kontrak Pusat (KP) dan Kontrak Panel Berpusat (KPB).....	8
10. Syarikat Berstatus Pembuat di bawah Pendaftaran Kementerian Kewangan	9
11. Kenaan CJCP Ke Atas Perolehan Dalam <i>Designated Areas</i> (DA).....	9
12. Pengeluaran Invois	9
13. Tarikh Kuat Kuasa.....	10
LAMPIRAN	11

PK 1.3 DASAR CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

1. Latar Belakang

- 1.1 Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) mulai 1 September 2018 berdasarkan Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806] dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807].
- 1.2 Sehubungan itu, perolehan Kerajaan juga adalah tertakluk kepada dasar kenaan CJCP. Agensi Kerajaan hendaklah memastikan sebarang perolehan yang hendak dilaksanakan mematuhi dasar kenaan CJCP agar ianya teratur dan mencapai objektif yang ditetapkan oleh Kerajaan.

2. Pengenaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) Dalam Perolehan Kerajaan

2.1 Perolehan Bekalan

- 2.1.1. Cukai Jualan adalah dikenakan dan dilevikan ke atas barang yang dikilangkan oleh pengilang berdaftar di Malaysia atau barang yang diimport ke dalam Malaysia yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 serta peraturan dan perintah cukai jualan yang berkuat kuasa.
- 2.1.2. Walau bagaimanapun, bagi barangan yang diimport atau yang dibeli daripada pengilang berdaftar oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah dikecualikan daripada Cukai Jualan melainkan petroleum dan kenderaan import dengan syarat berikut:
 - a. barangan yang diimport atau dibeli daripada pengilang berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM);
 - b. barang tersebut digunakan sepenuhnya hanya oleh Agensi berkaitan;

- c. kos barang tersebut dicajkan ke atas vot Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau PBT dan bukan dibeli daripada sumber lain; dan
 - d. lain-lain syarat yang ditetapkan di bawah peraturan dan perintah cukai jualan yang berkuat kuasa.
- 2.1.3. Pengecualian yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau PBT bukan sahaja ke atas pengimportan atau pembelian yang dibuat sendiri, tetapi terpakai juga sekiranya Agensi Kerajaan tersebut melantik pihak ketiga untuk mengimport atau membeli daripada pengilang berdaftar cukai jualan.
- 2.1.4. Pengecualian daripada kenaaan Cukai Jualan hendaklah dibuat dengan pengeluaran Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.
- 2.1.5. Berhubung dengan pengimportan barang, sekiranya dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau PBT, *invois / bill of lading (BOL) / air waybill (AWB)* adalah atas nama Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau PBT tersebut dan pengecualian cukai jualan boleh dituntut di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.
- 2.1.6. Sekiranya pengimportan tersebut dibuat oleh pihak ketiga di bawah suatu kontrak pembekalan atau sebagai ejen untuk melaksanakan pembelian yang dilantik oleh sesuatu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau PBT (atas apa-apa jua alasan), maka pihak tersebut boleh menuntut pengecualian cukai jualan ke atas pengimportan itu di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.
- 2.1.7. Pengecualian daripada kenaaan Cukai Jualan hendaklah dibuat dengan pengeluaran Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018. Pengecualian daripada kenaaan Cukai Jualan hendaklah dibuat atas talian melalui sistem MySST di alamat www.mysst.customs.gov.my tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

2.1.8. Orang yang bertindak bagi pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau PBT dan Institusi Pendidikan Tinggi Awam yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Akta Universiti Teknologi Mara 1976 (Akta 173) hendaklah mendapat nombor kelulusan Sijil Pengecualian (yang dijana daripada Sistem MySST).

2.2 Perolehan Perkhidmatan (termasuk Perunding)

Cukai Perkhidmatan adalah dikenakan dan dilevikan ke atas mana-mana perkhidmatan yang ditetapkan oleh Kerajaan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

2.3 Perolehan Kerja

Perolehan kerja pembinaan tidak dikenakan Cukai Perkhidmatan. Bagi perolehan kerja lain antaranya pengurusan fasiliti dan lain-lain, Agensi Kerajaan hendaklah merujuk kepada Jadual Pertama di bawah Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

3. Pelarasan Harga Kontrak

- 3.1 Bagi mana-mana kontrak perolehan yang sedang berkuat kuasa dan tertakluk kepada kenaikan CJCP, syarikat boleh memohon pelarasan harga kontrak daripada Agensi Kerajaan mulai tarikh syarikat berdaftar CJCP dengan JKDM bagi baki perolehan yang belum disempurnakan, jika berkaitan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat pengurangan harga kontrak berikutan pelaksanaan CJCP, Agensi Kerajaan bertanggungjawab melaksanakan pelarasan harga kontrak tersebut sewajarnya.
- 3.2 Syarikat hendaklah mengemukakan justifikasi yang kukuh bersama pembuktian yang jelas menunjukkan kenaikan harga kontrak adalah disebabkan pelaksanaan CJCP. Perubahan harga hendaklah sama dengan jumlah perubahan cukai yang perlu dibayar oleh syarikat.
- 3.3 Semua penyelarasan harga kontrak berikutan pelaksanaan CJCP hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal. Setelah diluluskan oleh Pegawai Pengawal, harga kontrak hendaklah diselaraskan.

- 3.4 Agensi Kerajaan hendaklah menggunakan Surat Penyelarasan Harga Berkaitan Pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) bagi menguatkuasakan penyelarasan harga kontrak berikutan pelaksanaan CJCP seperti di **Lampiran 1**.

4. Penyediaan Anggaran Jabatan dan Penentuan Kaedah Perolehan

- 4.1 Agensi Kerajaan hendaklah mengambil kira kenaan CJCP dalam perancangan perolehan tahunan dan penyediaan peruntukan terutamanya perolehan perkhidmatan.
- 4.2 Agensi Kerajaan hendaklah menggunakan anggaran jabatan tanpa kenaan CJCP untuk menentukan kaedah perolehan.

5. Tawaran Harga Syarikat

- 5.1. Bagi perolehan perkhidmatan, semua tawaran harga oleh syarikat hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan tanpa Cukai Perkhidmatan. Sekiranya perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan dan syarikat yang berjaya adalah berdaftar CJCP dengan JKDM, maka Agensi Kerajaan perlu menawarkan nilai perolehan termasuk kenaan Cukai Perkhidmatan.
- 5.2. Syarikat hendaklah diberitahu bahawa pada bila-bila masa setelah berdaftar dengan JKDM, syarikat hendaklah memaklumkan Agensi supaya Cukai Perkhidmatan boleh dibayar oleh Kerajaan. Kegagalan atau kelewatan syarikat untuk memaklumkan kepada Kerajaan mengenai status pendaftaran dengan JKDM akan menyebabkan syarikat perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa-apa bayaran daripada Kerajaan.
- 5.3. Bagi pengeluaran Surat Setuju Terima (SST), Agensi hendaklah merujuk kepada 1PP/PK4.2 atau pekeliling berkaitan SST yang berkuat kuasa.

6. Kaedah Penilaian Perolehan Secara Pembelian Terus/Sebut Harga/Tender

- 6.1 Bagi perolehan petroleum dan kenderaan import, penilaian harga bagi pembelian terus, sebut harga dan tender hendaklah dibuat oleh Agensi Kerajaan berdasarkan **harga tawaran tanpa Cukai Jualan**.

- 6.2 Bagi perolehan perkhidmatan, penilaian harga bagi lantikan terus, pembelian terus, sebut harga dan tender hendaklah dibuat oleh Agensi Kerajaan berdasarkan **harga tawaran tanpa Cukai Perkhidmatan.**

7. Tanggungjawab Untuk Menandatangani Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018

- 7.1 Agensi Kerajaan yang melaksanakan perolehan secara terus atau melalui pihak ketiga dengan pengilang berdaftar dan pengimport boleh mendapat pengecualian kenaan Cukai Jualan melalui pengeluaran Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 seperti di **Lampiran 2**. Permohonan hendaklah dibuat atas talian melalui sistem MySST tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- 7.2 Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 hendaklah ditandatangani ke atas setiap perolehan yang mendapat pelepasan Cukai Jualan seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 bagi membolehkan Cukai Jualan dikecualikan ke atas perolehan tersebut. Walau bagaimanapun, bagi Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 yang dijana atas talian, pengilang atau pengimport boleh mencetak terus borang tersebut setelah diluluskan dan tandatangan tidak diperlukan selaras dengan Peraturan-peraturan Cukai Jualan 2018.
- 7.3 Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 hendaklah diluluskan/ ditandatangani oleh Pegawai Pengawal atau pegawai yang diturun kuasa tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Kastam.
- 7.4 Senarai pegawai yang wajar diturunkan kuasa bagi tujuan menandatangani Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 adalah seperti berikut:
- 7.4.1 Pegawai pelulus Pesanan Tempatan/Inden Kerja; atau
- 7.4.2 Pegawai yang diturun kuasa untuk menandatangani Surat Setuju Terima (SST); atau

- 7.4.3 Pegawai lain yang diberikan kuasa oleh Pegawai Pengawal sebagai penandatanganan Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.
- 7.5 Bagi tujuan ini, Agensi Kerajaan hendaklah mengemukakan senarai penuh pegawai mengikut jawatan yang dicadangkan untuk menandatangani Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 bagi pertimbangan dan kelulusan Ketua Pengarah Kastam. Sebarang perubahan kepada senarai tersebut hendaklah dikemukakan semula untuk pertimbangan dan kelulusan Ketua Pengarah Kastam.

8. Perolehan Daripada Agensi Kerajaan Lain

- 8.1 Sebarang pembekalan barangan yang diperolehi daripada Agensi Kerajaan lain yang berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018, pengecualian cukai boleh dituntut di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang dikecualikan daripada pembayaran Cukai) 2018. Agensi yang melaksanakan perolehan perlu mengemukakan permohonan pengecualian dengan mengeluarkan Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 semasa pembelian dibuat.
- 8.2 Sebarang perkhidmatan yang diperolehi daripada Agensi Kerajaan Kerajaan lain adalah dikenakan Cukai Perkhidmatan tertakluk kepada perkhidmatan tersebut disenarai di bawah perkhidmatan dikenakan cukai dan Agensi Kerajaan tersebut berdaftar dengan JKDM.

9. Kenaan CJCP Dalam Kontrak Pusat (KP) dan Kontrak Panel Berpusat (KPB)

- 9.1 Bagi Cukai Jualan, mana-mana item KP dan KPB yang diperolehi daripada pengilang yang berdaftar dengan JKDM adalah tertakluk dengan kenaan Cukai Jualan. Walau bagaimanapun, perolehan item tersebut diberi pelepasan kenaan Cukai Jualan melalui pengeluaran Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 yang dijana melalui sistem.
- 9.2 Bagi Cukai Perkhidmatan, mana-mana item KP dan KPB yang disenaraikan sebagai perkhidmatan bercukai berdasarkan Peraturan Cukai Perkhidmatan dan berdaftar dengan JKDM adalah tertakluk dengan kenaan Cukai Perkhidmatan.

10. Syarikat Berstatus Pembuat di bawah Pendaftaran Kementerian Kewangan

10.1 Perolehan daripada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan yang bertaraf pembuat dan berdaftar dengan JKDM adalah tertakluk kepada dikenakan Cukai Jualan. Walau bagaimanapun, perolehan tersebut diberi pengecualian Cukai Jualan melalui pengeluaran Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 yang dijana melalui sistem.

11. Kenaan CJCP Ke Atas Perolehan Dalam *Designated Areas* (DA)

11.1 Perolehan yang melibatkan *Designated Area* (DA) di Langkawi, Labuan dan Tioman tidak dikenakan CJCP. Ini merangkumi perolehan yang dibuat dalam kawasan DA (Cth: Langkawi – Langkawi) atau di antara kawasan DA (Cth: Langkawi – Tioman) kecuali apa-apa barang atau perkhidmatan yang dikenakan cukai jualan atau cukai perkhidmatan seperti yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah cukai jualan dan perintah cukai perkhidmatan yang berkuatkuasa.

11.2 Bagi perolehan yang melibatkan penyediaan perkhidmatan bercukai, sekiranya pembekal perkhidmatan tersebut berada/terletak di dalam DA, dan perkhidmatan bercukai disediakan di dalam DA, maka penyediaan perkhidmatan tersebut adalah tidak tertakluk di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Sekiranya pembekal perkhidmatan berada/terletak di Kawasan Utama Kastam (KUK) dan membekalkan perkhidmatan bercukai ke kawasan DA, penyediaan perkhidmatan tersebut adalah tertakluk di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

12. Pengeluaran Invois

12.1 Bagi perolehan bekalan daripada pengilang berdaftar, Agensi Kerajaan hendaklah memastikan invois yang dikeluarkan dikecualikan dari dikenakan Cukai Jualan bagi barang-barang yang mendapat pengecualian atau pada kadar yang berkuat kuasa bagi produk yang tidak mendapat pengecualian. Bagi pengimportan, pengecualian dituntut semasa taksiran dibuat di pintu masuk (*entry point*) dan pengiklanan dibuat melalui borang Kastam 1.

12.2 Agensi Kerajaan hendaklah memastikan invois yang dikeluarkan adalah selaras dengan Peraturan-peraturan Cukai Jualan 2018 dan mengandungi perkataan "*Cukai Jualan dikecualikan daripada pembayaran cukai di bawah Butiran, Jadual A, Perintah Cukai*

Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.”

- 12.3 Bagi perolehan perkhidmatan yang dikenakan cukai di bawah Peraturan Cukai Perkhidmatan dan syarikat berdaftar dengan JKDM, Agensi Kerajaan hendaklah memastikan invois yang dikeluarkan mengandungi kenaan Cukai Perkhidmatan pada kadar 6% atau kadar yang berkuat kuasa.

13. Tarikh Kuat Kuasa

- 13.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai 1 September 2018.

LAMPIRAN

Dicetak di atas kepala surat Agensi

Lampiran 1**SURAT PELARASAN HARGA KONTRAK BERKAITAN PELAKSANAAN
CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)**

Digunakan bagi kenaikan/pengurangan harga kontrak selaras dengan CJCP

Rujukan Kami : Rujukan Agensi

Tarikh : Tarikh

Nama Syarikat

Alamat Syarikat

Tuan,

Tajuk Perolehan: Tajuk perolehan berdasarkan SST/kontrak

No. Rujukan Surat Setuju Terima/Kontrak: No. SST/ Kontrak

Tarikh Surat Setuju Terima Ditandatangani: Tarikh SST ditandatangani balas oleh syarikat

Tarikh Dokumen Kontrak Ditandatangani: Tarikh dokumen kontrak ditandatangani balas oleh syarikat

Nombor Pendaftaran Syarikat Dengan JKDM: Nombor pendaftaran syarikat dengan JKDM

Tarikh Kuat Kuasa Pendaftaran Syarikat Dengan JKDM: Tarikh kuat kuasa

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana tuan sedia maklum, Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) telah menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) mulai 1 September 2018 berdasarkan Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806] dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807].

3. Berikutan pelaksanaan CJCP, Kerajaan bersetuju dengan pelarasan harga seperti berikut:

- i. **Harga Kontrak Asal :RM** Harga kontrak asal dalam angka
- ii. **Baki Perolehan Yang Belum Disempurnakan: RM** Baki Perolehan dalam angka
- iii. **Kenaan Cukai Jualan dan/atau Cukai Perkhidmatan: RM** Harga kenaan Cukai Jualan/Cukai Perkhidmatan dalam angka
- iv. **Jumlah Harga Kontrak Terkini:RM** (ii) + (iii) dalam angka

4. Walau bagaimanapun, terma-terma dan syarat-syarat yang termaktub dalam Surat Setuju Terima dan/atau kontrak adalah masih kekal dan hendaklah berkuat kuasa sepenuhnya antara kedua-dua pihak.

5. Dengan pengakuan penerimaan surat ini, syarikat tuan dengan ini bersetuju dengan pelarasan harga ini. Surat ini hendaklah dibaca dan menjadi sebahagian daripada dokumen kontrak yang telah ditandatangani dan mengikat kedua-dua pihak.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

Tandatangan Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak

(Nama Penuh Pegawai)

Jawatan Pegawai

* Sila lampirkan senarai pengiraan terperinci di Lampiran

Tandatangan & Cop (Kerajaan) :

1 daripada 2

Tandatangan & Cop (Syarikat) :

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

**PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT PELARASAN HARGA KONTRAK BERKAITAN
PELAKSANAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)**

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah Rujukan Agensi bertarih dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah pun disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam dokumen *sebut harga/tender dan Surat ini telah dikenakan.

Tandatangan Syarikat
.....
Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
Tarikh :

Tandatangan Saksi Syarikat
.....
Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
Tarikh :

Meterai atau Cop Syarikat

**potong mana yang tidak berkenaan*

Tandatangan & Cop (Kerajaan) :
Tandatangan & Cop (Syarikat) :

2 daripada 2

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

Lampiran 2

Nombor Sijil Pengecualian:



**PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN
DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018
AKTA CUKAI JUALAN 2018**

SIJIL DI BAWAH PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN
DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018

Saya.....

(Pengarah, Pengurus, Setiausaha, atau lain-lain orang diberi kuasa)

bagi.....

(Nama firma, syarikat, jabatan, atau institusi)

beralamat.....

(alamat tempat urusan)

dengan ini mengakui bahawa barang-barang yang diperihalkan dalam lampiran
adalah diimport/dibeli

atau

bagi pihak jabatan/institusi

(Nama jabatan / institusi)

dengan pengecualian daripada cukai jualan dituntut di bawah butiran***

Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran
Cukai) 2018 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Tarikh:

This document is computer printed and digitally signed. No signature is required.

Exemption Certificate Number:



SALES TAX (PERSONS EXEMPTED FROM PAYMENT OF TAX) ORDER 2018
SALES TAX ACT 2018

CERTIFICATE UNDER THE SALES TAX (PERSON EXEMPTED FROM PAYMENT OF TAX)
ORDER 2018

I.....
(Director, Manager, Secretary or any other authorized person)

for.....
(Name of firm or company)

address.....
(address of place of business)

OR

On behalf of department / institutions
(Name of Department / Institution)

with exemption from sales tax claimed under item*** Schedule A, Sales Tax (Person Exempted From Payment of Tax) Order 2018 subject to the conditions specified.

Signature :

Name :

Identity Card No. :

Designation :

Date:

This document is computer printed and digitally signed. No signature is required.